

## **Tahap Pengetahuan Pelajar di Madrasah Al-Musthofawiyah Littahfizil Quran Bangi Terhadap Tadabbur Al-Quran**

Nurain bt Zainal Abidin<sup>1</sup>, Mohd Faizulamri bin Mohd Saad<sup>2</sup>, Mohd Nazri bin Ahmad<sup>2</sup>

Email : ainzaba90@gmail.com , faizam@ukm.edu.my, m\_nazri @ukm.edu.my

<sup>1</sup>Calon Sarjana di Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, FPI, UKM

<sup>2</sup>Pensyarah di Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, FPI, UKM

### **Abstrak**

Menguasai Tadabbur al-Quran adalah satu elemen penting dalam menghafaz Al-Quran sebelum digelar Huffaz. Ini adalah satu elemen penting kerana ia boleh membawa kepada berlakunya salahfaham dan kekeliruan dalam menguasai maksud ayat al-Quran. Biasanya, masalah ini terjadi dalam kalangan pelajar semasa menghafaz al-Quran tanpa memahami maksud ayat yang dibaca serta tidak merujuk kepada terjemahan ketika membaca al-Quran. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengetahui tahap pengetahuan pelajar terhadap Tadabbur al-Quran. Selain itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti perbezaan tahap pengetahuan pelajar berdasarkan jantina. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan soal selidik. Data dianalisis menggunakan SPSS versi 23. Hasil kajian ini mendapat bahawa skor min keseluruhan pengetahuan pelajar terhadap Tadabbur al-Quran adalah pada tahap yang rendah (min = 2.33). Hasil dapatan juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengetahuan pelajar terhadap Tadabbur al-Quran antara pelajar lelaki (min = 2.4135) dan perempuan (min = 2.1554). Manakala nilai-t untuk perbandingan di antara keduanya adalah ( $t = 1.311$ ) dan pada aras signifikan ( $p = 0.200$ ). Secara keseluruhan, pelajar tafsir mempunyai pengetahuan yang sangat terhad dalam Tadabbur al-Quran dan mereka tidak mempunyai kursus khas atau program dalam Tadabbur al-Quran. Justeru, bagi meningkatkan tahap pengetahuan pelajar terhadap Tadabbur al-Quran, semua pihak berwajib perlu mengambil perhatian sepenuhnya tentang pentingnya pelajar perlu didekah dengan Tadabbur al-Quran.

**Kata kunci :** *Tahap Pengetahuan, Pelajar, Tadabbur al-Quran*

### **Abstract**

Mastering Tadabbur al-Quran is an important elements in memorizing the holy Quran before one is called a Huffaz in general. This is an important elements as it may leads to misunderstanding and confusion in mastering the versus of al-Quran. Commonly, these problems occur among students while memorizing the Quran without understand the versus read and not referring to the translation while reciting the Quran. Hence, this study is conducted to investigate the level of knowledge among the tafsir students in Tadabbur al-Quran. Moreover, this study also tries to identify the difference of the students level of knowledge based on their gender. This study employs a quantitative method using questionnaires. Data is analyse using SPSS version 23. The results of this study finds that the overall mean score of the students knowledge on Tadabbur al-Quran is at low level (mean=2.33). The results also reveal that there are no significance difference level of knowledge among the tafsir students in Tadabbur al-Quran between male (min = 2.4135) and female(min = 2.1554) students. While the T-value for the comparison of both male and female is ( $t=1.311$ ) and the significant level is ( $p=0.200$ ). Overall, these tafsir students have a very limited knowledge on Tadabbur al-Quran and they do not have specific course or programme on Tadabbur al-Quran. Therefore, to enhance level of knowledge of Tadabbur al-Quran, the authorities should pay more attention about how importance students need to be disclosed about Tadabbur al-Quran.

**Keywords :** *Level of Knowledge, Students, Tadabbur al-Quran*

### **1. Pengenalan**

Di dalam pengajian al-Quran, salah satu ilmu yang amat penting ialah ilmu Tadabbur al-Quran. Oleh itu, bagi mereka yang menghafaz al-Quran adalah menjadi satu kemestian untuk mereka menguasai ilmu tersebut untuk

lebih memahami dan menghayati al-Quran. Mempelajari dan menguasai Tadabbur al-Quran dituntut kerana kelemahan dalam pemahaman boleh menyebabkan berlakunya kekeliruan.

Permasalahan yang sering dihadapi pelajar aliran agama khususnya pelajar tahliz amat membimbangkan apabila terjadinya kesalahan semasa menghafaz al-Quran. Ini dapat dilihat ketika pelajar berhenti (Waqf) dan memulai (Ibtida') semasa membaca ayat al-Qur'an, mereka akan berhenti dan memulai ayat mengikut kehendak mereka sendiri dengan sesuka hati hingga maksud ayat lari dan tidak sesuai dengan maksud sebenarnya (Syafee Salihin et al. 2014). Menurut Abd. Rauf, pensyarah Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam Utusan Online bertarikh 22/06/2012 menyatakan Waqaf Dan Ibtida' merupakan salah satu cabang ilmu tajwid yang paling sukar dikuasai oleh seseorang pelajar. Dapatan kajian (Azmil 2015) mendapati kebanyakan pelajar tahliz tidak mahu mencuba untuk memahami ayat yang dibacanya akan tetapi lebih mengfokuskan kepada hafazan. Secara tidak langsung tahap penguasaan pelajar berkaitan Waqaf dan Ibtida' amat membimbangkan dan dikhuatiri memberi kesan kepada makna ayat al-Quran.

Selain itu, masalah yang sering berlaku di kalangan pelajar adalah tidak mahu merujuk terjemahan al-Quran ketika membaca al-Quran berpunca daripada mereka yang tidak mampu memahami bahasa Arab menyebabkan mereka lebih menumpukan kepada menghafaz al-Quran semata-mata tanpa memahami maksud yang terkandung di dalam al-Quran (Zahriah Hussin et al. 2015). Oleh itu dapat disimpulkan semua masalah yang berlaku di atas adalah berpunca daripada ketidakfahaman terhadap bahasa Arab. Hal ini kerana untuk memahami maksud ayat al-Quran memerlukan kepada ilmu bahasa Arab (Ahmed, 2008; al Jaburi 2010).

Persoalan yang timbul di sini adalah, walaupun kebanyakan pelajar tahliz tahu pemahaman ayat penting semasa menghafaz al-Quran, namun masih terdapat di antara mereka yang hanya menghafaz al-Quran sahaja tanpa mengambil peduli akan maksud ayat tersebut walaupun telah berada di peringkat menengah. Ini dinyatakan oleh (Munirah et. al. 2014) perkara yang kurang diberi perhatian oleh pelajar pada hari ini adalah amalan tadabbur semasa menghafaz al-Quran. Keadaan seperti ini seolah-olah memperlihatkan kepada mereka tentang ketidakjelasan dan ketidaktahuan ilmu Tadabbur al-Quran boleh menimbulkan salah faham terhadap maksud ayat. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap pengetahuan pelajar terhadap Tadabbur al-Quran serta mengenalpasti perbezaan tahap pengetahuan pelajar berdasarkan jantina. Berdasarkan kepada objektif kajian tersebut, hipotesis kajian ini mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengetahuan pelajar terhadap Tadabbur al-Quran berdasarkan jantina.

## **2. Metodologi Kajian**

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan reka bentuk tinjauan. Kaedah persampelan yang digunakan dalam kajian ialah kaedah persampelan rawak mudah. Seramai 33 pelajar di Maahad Tahfiz telah dipilih. Oleh itu, instrumen yang digunakan adalah borang soal selidik yang dibina hasil daripada adaptasi kajian terdahulu yang telah diubahsuai daripada (Abdul Hafiz et al. 2003, 2005). Soal selidik ini mengandungi empat bahagian, iaitu bahagian A ialah latar belakang responden, bahagian B ialah Tahap Pengetahuan pelajar terhadap Tadabbur al-Quran, bahagian C ialah Masalah pelajar dalam Tadabbur al-Quran dan bahagian D pula ialah Sumber Maklumat Tadabbur al-Quran. Walaubagaimanapun, instrumen ini telah dirujuk dan dipersejui oleh penyelia sebelum membuat kesahan kepada pakar yang berpengalaman.

Kajian telah dilaksanakan pada 19 Januari 2017 kepada 33 orang peserta kajian di Madrasah Al-Musthafawiyah Littahfizil Quran Bangi. Kaedah pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan skala jawapan jenis skala Likert lima mata untuk instrumen soal selidik. Data kajian ini dianalisis dengan menggunakan perisian komputer SPSS yang ke-23. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif yang melibatkan pengiraan min dan statistik inferensi yang melibatkan penggunaan Ujian-T.

Selepas kajian dijalankan, nilai Alpha Cronbach digunakan untuk menentukan nilai kebolehpercayaan alat ukur soal selidik tersebut. Nilai kebolehpercayaan yang melebihi 0.80 menunjukkan aras kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh diterima sebagai instrumen kajian (Hashim 2010). Walaubagaimanapun, (Mohd Majid 2005) menyatakan nilai minimum indeks kebolehpercayaan bagi kajian sains sosial ialah 0.6 ke atas. Jadual 1 di bawah merupakan klasifikasi indeks kebolehpercayaan bagi instrumen yang diuji:

**Jadual 1:** Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan

Indikator	Nilai Alpha Cronbach
Sangt Tinggi	0.90- 1.00
Tinggi	0.70- 0.89
Sederhana	0.30-0.69
Rendah	0.00- 0.30

Adaptasi daripada Bryman & Cramer 2005; Amal 2012

Berdasarkan hasil analisis yang diperolehi menerusi kajian ini ujian Alpha Cronbach yang dijalankan. Berdasarkan **Jadual 1** di atas, nilai indeks kebolehpercayaan bagi setiap konstruk yang dibina dan digunakan dalam kajian ini adalah amat baik dan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu (0.667 – 0.929). Secara keseluruhannya item-item yang dibina mempunyai skor nilai alpha yang sangat tinggi iaitu pada aras (0.909). Oleh itu, dapat disimpulkan instrumen yang dibina adalah sah dan boleh dipercayai.

### 3. Dapatan Kajian

Analisis data diperolehi daripada borang soal selidik yang mengandungi lima konstruk untuk menguji tahap pengetahuan pelajar melalui kefahaman terhadap bahasa Arab, makna ayat al-Quran, asbab al-Nuzul, ayat hukum fiqh serta Sirah Nabi. Dapatkan kajian ini dianalisis menjadi dua bahagian iaitu satu bahagian ialah hasil analisis statistik deskriptif skor min dan bahagian kedua pula ialah hasil analisis menggunakan statistik inferensi iaitu ujian-T. Oleh itu, analisis deskriptif dalam kajian ini menggunakan jadual intepretasi skor min tahap pengetahuan yang telah dirumuskan oleh (Pallant 2007). Daripada nilai min setiap item diukur berdasarkan jadual intepretasi skor min. (Nur Shazwani et al. 2016) seperti yang dipamerkan dalam **Jadual 2** di bawah ini :

**Jadual 2 :** Intepretasi Skor Min untuk Skala Likert Lima

Skor Min	Intepretasi (Tahap)
1.00 - 2.33	Rendah
2.34 - 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Sumber : (Pallant 2007)

#### a. Tahap pengetahuan pelajar terhadap Tadabbur al-Quran :

Bahagian ini membincangkan dapatan analisis min, sisihan piawai dan Tahap pengetahuan pelajar yang mengandungi lima konstruk padanya iaitu kefahaman bahasa Arab, makna ayat al-Quran, Asbab al-Nuzul, ayat hukum Fiqh, dan Sirah Nabi.

**Jadual 3 :** Analisis Min Tahap Pengetahuan Pelajar Terhadap Tadabbur Al-Quran

Bil	Konstruk	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	Kefahaman bahasa Arab	2.066	3.66	Rendah
2	Kefahaman makna ayat al-Quran	2.212	4.563	Rendah
3	Kefahaman asbab al-Nuzul	2.227	4.485	Rendah
4	Kefahaman ayat hukum Fiqh	2.439	4.129	Sederhana
5	Kefahaman Sirah Nabi	2.712	4.041	Sederhana

**Jadual 3** menunjukkan dapatan analisis min, sisihan piawai dan Tahap bagi Pengetahuan pelajar terhadap Tadabbur al-Quran. Terdapat lima konstruk tahap pengetahuan pelajar terhadap Tadabbur al-Quran. Nilai min bagi konstruk pertama bahasa Arab ( min= 2.066). Untuk konstruk kedua makna ayat al-Quran (min= 2.122). Konstruk ketiga asbab al-Nuzul pula ( min= 2.227). Konstruk empat ayat Hukum Fiqh pula ( min= 2.439). Konstruk kelima ialah Sirah Nabi pula ( min= 2.712).

Pengetahuan Tadabbur pertama berdasarkan kepada kefahaman bahasa Arab. Terdapat enam item kefahaman bahasa Arab. Berdasarkan item di atas, nilai min keseluruhan pemahaman bahasa Arab iaitu (min = 2.066, sp = 3.66) menunjukkan pemahaman bahasa Arab di kalangan pelajar berada pada tahap rendah. Di dalam kefahaman bahasa Arab ini terdapat dua item berada pada tahap sederhana, manakala empat yang lain di tahap rendah. Item ini menunjukkan kefahaman terhadap bahasa Arab kurang dikuasai oleh pelajar semasa proses pembelajaran berjalan.

Pengetahuan Tadabbur kedua berdasarkan kepada kefahaman makna ayat al-Quran. Terdapat tujuh item kefahaman makna ayat al-Quran. Berdasarkan jadual di atas, menunjukkan dapatan analisis min keseluruhan bagi kefahaman makna ayat al-Quran (min = 2.212, sp = 4.563). Nilai min menunjukkan pemahaman terhadap makna ayat al-Quran pada tahap rendah. Dua item menunjukkan nilai min sederhana manakala lima item yang lain berada pada min rendah. Ini menunjukkan pemahaman maksud ayat al-Quran kurang dijelaskan semasa proses pembelajaran bermula.

Pengetahuan Tadabbur ketiga berdasarkan kepada kefahaman Asbab al-Nuzul. Terdapat enam item dalam konstruk kefahaman Asbab al-Nuzul. Dapatkan min keseluruhan kefahaman Asbab al-Nuzul (min = 2.227, sp = 4.485). Nilai min tersebut menunjukkan pemahaman terhadap Asbab al-Nuzul di kalangan pelajar adalah pada tahap rendah. Hanya satu item menunjukkan nilai min sederhana, manakala lima item menunjukkan nilai min yang rendah. Ini menunjukkan pelajar tidak diberi penerangan tentang asbab al-Nuzul di dalam bilik atau di luar bilik darjah menyebabkan pengetahuan asas menjadi rendah.

Pengetahuan Tadabbur keempat berdasarkan kepada kefahaman ayat hukum Fiqh. Terdapat enam item dalam kefahaman ayat hukum Fiqh. Dapatkan min keseluruhan kefahaman ayat hukum Fiqh (min = 2.439, sp = 4.129). Nilai min tersebut menunjukkan pemahaman terhadap ayat hukum Fiqh di kalangan pelajar berada pada tahap sederhana. Tiga item menunjukkan nilai min sederhana dan tiga item yang lain menunjukkan nilai min rendah. Ini dapat disimpulkan pelajar tidak didedahkan secara khusus tentang kefahaman ayat hukum fiqh kepada pelajar.

Pengetahuan Tadabbur yang terakhir berdasarkan kepada kefahaman Sirah Nabi. Terdapat enam item dalam kefahaman Sirah Nabi. Dapatkan min keseluruhan kefahaman Sirah Nabi (min = 2.712, sp = 4.041). Dapatkan mendapati nilai min tersebut menunjukkan pemahaman terhadap Sirah Nabi di kalangan pelajar berada pada tahap sederhana. Analisis dapatan mendapati kefahaman Sirah Nabi berada pada tahap sederhana manakala tiga item lain berada tahap yang rendah. Ini menunjukkan pengetahuan pelajar terhadap Sirah Nabi memuaskan akan tetapi kurang dilakukan semasa proses pembelajaran bermula.

**Jadual 4 : Analisis Keseluruhan Konstruk bagi Min Tahap Pengetahuan Pelajar Terhadap Tadabbur Al-Quran**

Bil	Bahagian	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	Tahap Pengetahuan Pelajar	2.327	1.671	Rendah

**Jadual 4** menunjukkan dapatan keseluruhan min, sisihan piawai dan tahap pengetahuan pelajar mencatatkan (min = 2.327, sp = 1.671). Secara keseluruhannya, pengetahuan pelajar terhadap ilmu Tadabbur al-Quran ini adalah berada pada tahap yang rendah iaitu (min = 2.327).

### b. Perbezaan Tahap Pengetahuan pelajar terhadap Tadabbur al-Quran berdasarkan jantina.

Melalui kajian yang dijalankan pengkaji telah menjawab persoalan kajian ini iaitu :

**Persoalan :** Adakah terdapat perbezaan signifikan tahap pengetahuan pelajar terhadap Tadabbur al-Quran berdasarkan jantina?

**Objektif :** Mengenalpasti perbezaan tahap pengetahuan pelajar terhadap Tadabbur al-Quran berdasarkan jantina.

**Ho 1** : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengetahuan pelajar terhadap Tadabbur al-Quran berdasarkan jantina.

**Jadual 5 :** Hasil Min, Sisihan Piawai, dan Ujian-T Tahap Pengetahuan Pelajar Terhadap Tadabbur Al-Quran

Kumpulan	N	Min	Sisihan Piawai	df	Nilai-t	Sig. P
Lelaki	22	2.4135	0.568445	31	1.311	0.200*
Perempuan	11	2.1554	0.44996			

\*Signifikan pada aras  $p > 0.05$

Berdasarkan kepada **Jadual 5** di atas, menunjukkan tidak terdapat perbezaan tahap pengetahuan pelajar tafsir terhadap Tadabbur al-Quran berdasarkan jantina. Berdasarkan jadual tersebut, didapati nilai-*t* perbezaan bagi tahap pengetahuan pelajar tafsir terhadap Tadabbur al-Quran antara lelaki dan perempuan ialah ( $t = 1.311 : p > 0.05$ ). dengan tahap signifikan ( $p= 0.200$ ). Formula statistik bagi ujian-T adalah  $t(df)= t, p) = t(31)= 1.311, 0.200$ . Nilai signifikan yang ditunjukkan ialah ( $p=0.200$ ) ini jauh lebih besar daripada aras signifikan yang telah ditetapkan iaitu (0.05). Dapatkan ini menunjukkan hipotesis nul ( $H_0$ ) gagal ditolak. Ini bermakna ( $H_0$ ) iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan pengetahuan pelajar tafsir terhadap Tadabbur al-Quran antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan adalah diterima. Oleh itu, faktor jantina tidak mempengaruhi tahap pengetahuan pelajar tafsir terhadap Tadabbur al-Quran. Kesimpulannya, analisis perbezaan ini menunjukkan tahap pengetahuan pelajar terhadap Tadabbur al-Quran dalam kalangan pelajar lelaki dan pelajar perempuan adalah sama walaupun nilai min pelajar lelaki (**min = 2.4135, sp = 0.568445**) adalah tinggi berbanding nilai min pelajar wanita (**min = 2.1554, sp = 0.44996**).

#### 4. Perbincangan Kajian

##### a. Tahap pengetahuan pelajar terhadap Tadabbur al-Quran

Dapatkan kajian ini mendapati majoriti pelajar kurang memahami dan kurang menyedari akan ilmu Tadabbur al-Quran walaupun mengetahui secara asas akan ilmu tersebut. Secara umumnya, kebanyakan pelajar mempunyai tahap pengetahuan yang rendah dalam memahami bahasa Arab. Dapatkan kajian (Md.Noor et al.2016) mendapati tahap penguasaan bahasa Arab semasa membaca, menulis, mendengar dan bertutur baha Arab di tahap yang membimbangkan. Ini kerana (Kamarul 2012) menyatakan pelajar tidak mampu menguasai bahasa Arab adalah disebabkan kurang interaksi berbahasa serta tidak minat bahasa Arab. Kajian (Rosni 2009) turut menyatakan amalan berbahasa Arab terhad dan jarang digunakan, keadaan pelajar yang menjadi lebih bersifat pasif, serta guru tidak berkomunikasi dengan pelajar dalam bahasa Arab menyebabkan ramai pelajar aliran agama tidak mampu menulis dan bertutur dengan baik dalam bahasa Arab. Ini menyebabkan kebanyakan pelajar tidak mengetahui maksud ayat al-Quran dan seterusnya mereka tidak mampu untuk memahami dan menterjemah maksud ayat dengan baik. Oleh itu, adalah amat penting untuk setiap pelajar sentiasa cakna akan ilmu bahasa Arab dengan sebaiknya.

Seterusnya, dapatkan mendapati kefahaman makna ayat al-Quran di kalangan pelajar rendah menunjukkan pelajar tidak memahami maksud ayat dengan baik. Ini disebabkan kurangnya penekanan terhadap bahasa Arab. Para pelajar kurang mempraktikkan kemahiran membaca, menulis, bertutur dalam bahasa Arab samada di dalam dan luar kelas walaupun pengetahuan asas bahasa Arab sudah dipelajari sejak sekolah rendah (Ab. Halim 2009). Dapatkan konstruk mendapati item “mudah mengingat ayat yang dibaca” menyebabkan pelajar lebih fokus kepada menghafaz al-Quran dengan ( $min=3.06$ ) berbanding item lain. Dengan itu, kelemahan penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar adalah disebabkan mereka kurang memberi penekanan terhadap bahasa tersebut sepanjang proses pembelajaran al-Quran berjalan.

Seterusnya, Pengetahuan tentang Tadabbur al-Quran di kalangan pelajar berdasarkan kepada makna asbab al-Nuzul di tahap rendah. Ini disebabkan mereka kurang pendedahan akan ilmu asbab al-Nuzul. Hasil dapatkan (Ruslan 2014) mendapati pengetahuan asbab al-nuzul ayat boleh menghindari terjadinya salah paham ayat hukum. Ini kerana, pengetahuan tentang sebab akan membawa kepada pengetahuan akibatnya (Khairuddin 2012) . Oleh itu, setiap pelajar perlu diberi pendedahan berkaitan asbab al-nuzul dengan sebaiknya ketika proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran berlangsung. Hal ini terjadi disebabkan pelajar kurang berminat

untuk mengetahui tentang ayat hukum fiqh menyebabkan mereka lebih mementingkan akan ayat-ayat yang dihafaz.

Seterusnya, pengetahuan pelajar terhadap ayat Hukum Fiqh dan Sirah Nabi adalah sederhana. Ini menunjukkan pelajar mengetahui secara umum tentang kedua-dua kefahaman tersebut, namun kurang didedahkan samada di dalam atau luar bilik darjah. Ayat Hukum Fiqh hanya dapat difahami apabila difahami ayat hukum yang terdapat dalam ayat tersebut. Manakala Sirah Nabi merupakan perkara penting dalam memahami al-Quran. Secara umumnya, mereka mengetahui ayat hukum dan kisah-kisah yang terdapat di dalam al-Quran. Walaupun begitu, kefahaman terhadap hukum fiqh dan kisah Nabi perlu dipertingkatkan dengan sebaiknya. Oleh itu, setiap pelajar perlu memberi perhatian pada ayat hukum fiqh dan kisah Nabi.

Tahap pengetahuan terhadap bahasa Arab dilihat paling rendah rendah menyebabkan mereka sukar memahami maksud tersirat yang terdapat dalam al-Quran. Selain itu, pelajar dilihat lebih mempunyai pengetahuan yang tinggi hanya bagi aspek kefahaman terhadap Sirah Nabi. Ini kerana pengetahuan tentang kisah-kisah Nabi telah diketahui dan dipelajari sejak dari kecil, samada ketika di sekolah rendah dan menengah. Walaupun pelajar mengetahui kepentingan Tadabbur dalam memahami al-Quran, namun mereka masih tidak mengetahui cara atau kaedah yang sepatutnya digunakan semasa proses pembelajaran al-Quran.

Oleh itu, dapat disimpulkan daripada kesemua kefahaman yang dibincangkan, didapati hanya kefahaman terhadap Sirah Nabi yang mencapai tahap pengetahuan yang sederhana dibandingkan dengan yang lain. Secara keseluruhan pengetahuan pelajar terhadap Tadabbur al-Quran berada pada tahap yang sangat kritikal dan membimbangkan. Hal ini kerana pengetahuan ilmu Tadabbur secara khusus masih terhad diketahui pelajar. Majoriti pelajar masih keliru dengan cara Tadabbur al-Quran yang kurang diketengahkan ketika proses pembelajaran al-Quran. Ini dapat dilihat, semasa proses pembelajaran al-Quran, pelajar sangat kurang didedahkan dengan ilmu berkaitan Tadabbur al-Quran. Oleh itu, usaha daripada semua pihak amat diperlukan untuk memartabatkan Tadabbur al-Quran dalam kehidupan seharian. Sehubungan itu, sistem pembelajaran pendidikan Tahfiz perlu diperkemaskan lagi dalam meningkatkan prestasi pelajar tafhiz.

### c. Perbezaan Tahap Pengetahuan pelajar terhadap Tadabbur al-Quran berdasarkan jantina.

Pada keseluruhananya dapatkan kajian ini menjawab persoalan yang dikemukakan. Dapatkan kajian ditunjukkan seperti **Jadual 6** di bawah :

**Jadual 6 :** Ujian-t perbezaan tahap pengetahuan pelajar terhadap Tadabbur al-Quran berdasarkan jantina.

Bil	Hipotesis	Analisi ujian	Keputusan
Ho 1	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengetahuan pelajar terhadap Tadabbur al-Quran berdasarkan jantina.	Ujian – T	Hipotesis diterima

Dapatkan yang diperoleh menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengetahuan pelajar terhadap Tadabbur al-Quran berdasarkan jantina. Oleh itu, faktor jantina tidak memainkan peranan dalam menentukan perbezaan tahap pengetahuan pelajar terhadap Tadabbur al-Quran. Ini menunjukkan pelajar lelaki dan perempuan telah memberikan pengetahuan yang sama terhadap Tadabbur al-Quran.

### 5.Kesimpulan

Secara umumnya, pengkaji dapat mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar Tahfiz di Maahad Tahfiz Al-Musthofawiyah, Bangi terhadap Tadabbur al-Quran. Majoriti pelajar Tahfiz mempunyai tahap pengetahuan Tadabbur al-Quran yang rendah. Beberapa kelemahan perlu diatasi dengan segera bagi menongkah cabaran pendidikan semasa ke arah memperkasakan pendidikan tafhiz al-Quran. Oleh itu, semua pihak perlu bekerjasama meningkatkan semangat cintakan al-Quran dalam kalangan generasi muda yang merupakan pelapis untuk meneruskan legasi Tadabbur al-Quran dalam melahirkan insan berkualiti yang Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik pada masa akan datang. Oleh itu, kajian cadangan seterusnya ialah keperluan ilmu Tadabbur al-Quran dalam kurikulum Tahfiz perlu diselaraskan berdasarkan kepada pelajar yang amat memerlukannya pada masa kini. Ia bertujuan untuk memastikan pendidikan tafhiz dapat dijalankan dengan lebih sistematik dan tersusun.

## Rujukan

Al-Quran al-Karim.

- Asmawati Suhid, Mohd Faizal bin Mohd Zain, Abdul Muhsin Bin Ahmad, Mohd Aderi Che Noh. 2013. *Tahap Pengetahuan Pelajar Tentang Konsep Menutup Aurat: Suatu Tinjauan Umum*. Jurnal Pendidikan Islam. Januari 2013. Vol. 1 Issue 1.
- Azmil Hashim, Misnan Jemali , Ab. Halim Tamuri, Mohd. Aderi Che Noh. 2013, *Hubungan Antara Adab-Adab Pembeajaran Tahfiz Dan Pencapaian Hafazan Pelajar*. Dlm. Jurnal Pendidikan Islam. Vol 2.
- Azmil Hashim,Ab. Halim Tamuri, Misnan Jemali . 2013. *Latar Belakang Guru Tahfiz Dan Amalan Kaedah Pengajaran Tahfiz Al-Qur'an Di Malaysia*, Universiti Pendidikan Sultan Idris,Universiti Kebangsaan Malaysia, Dlm. Jurnal Pendidikan Islam. Vol 1.
- Azmil Hashim, Abd. Halim Tamuri, 2012, *Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pembelajaran Tahfiz Al-Qur'an Di Malaysia*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Dlm. Jurnal Pendidikan Islam dan Bahasa Arab 4(2).
- Khairuddin b. Said. 2012. *Kenali al-Quran*. Johor Bharu: Perniagaan Jahabersa.
- Md Noor Bin Hussin (Dr) Saupi Man (Prof. Madya, Dr) Khairatul Aqmar Abd Latif (Dr) Ahmad Redzaudin Ghazali Muhammad Rofian Ismail Wan Muhammad Akhyar Ab Shatar. 2016. *Tahap Penguasaan Bahasa Arab Masyarakat Awam Melalui Pelaksanaan Pembelajaran Bahasa Arab Di Masjid*. Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah Dan Syariah 2016 (Irsyad 2016)
- Muhammad Azhar, Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Ismail Mustari, Roshayati Nasbon , Norhasanatul Fadzilah Awang. 2012. *Kemahiran Membaca dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab*. Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012].
- Muhammad Syafee Salihin bin Hasan ,Khairatul Akmal Ab Latif, Mahmud Lutfi bin Abd. Hadi ,Ahmad Shahir Masdan. 2014. *Kemahiran Waqf Dan Ibtida' Dalam Kalangan Pelajar Program Sarjana Muda Al-Quran Dan Alqiraat (Psmaa)*. Selangor. Di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Mohd. Majid Konting. 2004. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Monika @ Munirah Abd Razzaq, Liyana Nadzirah Md Saril, Nor Hizwani Ahmad Thohir, Nik Mohd Zaim Ab Rahim. 2014. *Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Al-Quran Melalui Program Televisyen: Kajian di Tv Al-Hijrah*. Proceedings: The 4th Annual International Qur'anic Conference 2014. E-ISBN: 978-967-12182-6-6© 2014 Centre of Quranic Research.
- Muhammad Sayuti Sabdan, Norlidah Alias, Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusof, Nazean Jomhari, & Nor 'Aziah Mohd Daud, 2016). *Tinjauan Pelaksanaan Pendidikan al-Quran Bagi Golongan Pekak Di Malaysia*. Jurnal al-Turath; Vol. 1, No. 2; 2016
- Rabiatal Adawiyah bte Abu Bakar, Salina Mohammed Rashid, Ghazali Mohd Ali. 2014. *Budaya Berkongsi Pengetahuan Dalam Kalangan Pelajar Pekak: Satu Kajian Penerokaan*. Selangor. Dlm. Prosiding Persidangan Antarabangsa dalam Pengurusan dan Muamalah (1st ICoMM).Fakulti Pengurusan dan Muamalah. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). 13th – 14th November 2014, e-ISBN: 978-967-0850-01-6.
- Rosni Bin Samah. 2009. *Isu Pembelajaran Bahasa Arab Di Malaysia*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Ruslan. 2014 *Urgensi Asbab Al-Nuzul Ayat-Ayat Ahkam*. Fakulti Syariah dan Ekonomi IAIN Antasari, Jl. Jenderal Ahmad Yani Km 4,5 Banjarmasin.
- Saadah Binti Ibrahim. 2012. *Tahap Kefahaman Dan Amalan Terhadap Kefarduan Menutup Aurat Di Kalangan Pelajar Di Tiga Buah Sekolah Menengah Agama Daerah Pekan*. Latihan Ilmiah, Fakulti Sains Sosial Gunaan, Open University Malaysia.
- Zukifli Abd. Hamid, Jamilah Othman, Aminah Ahmad, Ismi Arif Ismail. 2011. *Hubungan Antara Penglibatan Ibu-Bapa Dan Pencapaian Akademik Pelajar Miskin Di Negeri Selangor*. Institut Sans Sosial (UPM) Journal Islamic and Arabic Education 3(2)2011 31-40.